

Festival Latihan Industri & Kerjaya KLMUC 2016

Kuala Lumpur, 1 Jun 2016 - Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) telah menganjurkan Festival Latihan Industri & Kerjaya KLMUC 2016 bertempat di Kampus Metro, Menara TIMA. Festival ini adalah selaras dengan slogan KLMUC iaitu 'Aplikasi Dunia Nyata' yang mendedahkan para pelajar khususnya pelajar tahun akhir dengan peluang membina jaringan perkenalan bersama pelbagai syarikat yang terlibat selain mendapat penempatan latihan industri dan kerjaya.

Festival ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Mohamad Kamal Nawawi, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cosmopoint Sdn. Bhd. yang juga merupakan Pemangku Naib Canselor KLMUC bersama Dr. Mizarina Abu Bakar, Timbalan Naib Canselor KLMUC. Festival ini telah dianjurkan oleh bahagian Careers and Partners (C & P) dengan kerjasama GTI Media Sdn Bhd. Ianya merupakan platform terbaik bagi para pelajar untuk memahami dan mengetahui bidang kepakaran sesebuah syarikat serta perniagaan prospek majikan. Tahun ini menyaksikan penyertaan lebih daripada 30 buah syarikat. Antara nama-nama peneraju industri yang terlibat adalah seperti Astro, Sushi Kin dan Top Glove yang turut berkongsi maklumat mengenai skop industri dan kriteria pengambilan pekerja ke dalam syarikat.

“Kami amat gembira dan berpuas hati dengan penganjuran Festival Latihan Industri & Kerjaya KLMUC 2016 pada tahun ini. Matlamat utama kami bukan sahaja untuk melengkapkan para pelajar dengan teori akademik, malah mempersiapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan dalam setiap bidang. Ini merupakan elemen asas kepada inisiatif Aplikasi Dunia Nyata yang menekankan kepada para pelajar aspek perkembangan kemahiran professional adalah selari dengan pembelajaran akademik,”
ulas Kamal.

Di acara yang sama, telah berlangsung majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara KLMUC dengan GTI Media Sdn Bhd, *Triways Travel Network*,

MERCi Culinary dan Wadhvani Operating Foundation. Ianya menandakan pengukuhan ikatan kerjasama antara KLMUC dengan syarikat berkenaan.

GTI Media Malaysia merupakan syarikat di bawah Kumpulan Media GTI, yang berfungsi sebagai sebuah syarikat penerbitan kerjaya bagi graduan yang terbesar di dunia. Mereka bekerjasama rapat dengan agensi rekrutmen pekerja, badan-badan professional, para pelajar dan graduan dengan menerbitkan hasil penyelidikan dan informasi kerjaya yang membantu graduan Asia mendapat peluang pekerjaan.

Selain daripada itu, para pelajar juga berpeluang menduduki sesi temuduga untuk mendapatkan tempat latihan industri, yang mana ianya merupakan salah satu syarat program. Terdapat juga sesi bengkel kemahiran pengurusan kewangan dan teknik membina impresi yang baik disampaikan oleh DeBancCo, Sofis Financial Consultant dan Osiris International. Sesi ini memberi pemahaman yang meluas tentang perkara berkaitan kerjaya serta suntikan motivasi kepada para pelajar untuk lebih maju dan cemerlang dalam bidang masing-masing.

Sesi forum Belia & Kerjaya yang diadakan membincangkan tentang aspek psikologi, sosial dalam ruang lingkup para belia dan kaitannya dengan keupayaan diri. Antara panelis jemputan adalah daripada Career Xcell, Pertubuhan Wanita Bumiputera Kuala Lumpur (PERNITA) dan Alumni KLMUC, Muhammad Helmi Abdul Aziz.

Di samping itu, festival turut dimeriahkan dengan aktiviti Hari Terbuka KLMUC yang mana syarikat rakan kongsi serta orang awam dapat mengetahui lebih lanjut program yang ditawarkan selain berpeluang berkunjung melihat fasiliti terbaharu serta suasana pembelajaran di kampus.

“Festival pada hari ini merupakan platform terbaik bagi peneraju syarikat untuk mengenali para pelajar KLMUC dan melihat potensi mereka. Diharapkan, acara ini dapat memberi jaminan kepada para pelajar dengan tawaran prospek kerja yang baik,” tambah Kamal.

KLMUC menawarkan program Pengurusan & Teknologi Perniagaan, Seni Reka & Kreativiti, Hospitaliti, Pelancongan & Kesejahteraan, Pengajian Media dan beberapa kursus yang lain. Kesemua program mendapat pengesahan serta kelulusan daripada Kementerian Pendidikan dan menerima akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia, MQA (sebelum ini dikenali sebagai LAN). Untuk mengetahui lebih lanjut tentang tawaran program di KLMUC, layari klmuc.edu.my

TAMAT

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang progresif dan inovatif dengan menawarkan lebih daripada 50 program di bawah 6 fakulti. Ditubuhkan pada tahun 2006 KLMUC kini menawarkan program Asasi, Diploma dan Ijazah yang menerapkan prinsip Aplikasi Dunia Nyata sebagai laluan kepada kejayaan profesional. KLMUC juga terus berusaha dalam membangunkan program-program yang relevan bagi memenuhi keperluan pelajar. Program-program akademik dibangunkan melalui perundingan dengan rakan-rakan perniagaan dan industri luar, sektor awam dan profesional. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.klmuc.edu.my

Mengenai Syarikat Kumpulan Cosmopoint

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) dan Kolej Cosmopoint berada di bawah pengurusan Syarikat Kumpulan Cosmopoint, ianya telah bertapak kukuh lebih daripada 25 tahun dengan penyediaan pengalaman pembelajaran yang praktikal serta mempunyai pelbagai kurikulum yang menepati kehendak pasaran semasa. KLMUC adalah sebuah kampus di dalam bandar dan Kolej Cosmopoint mempunyai lebih daripada 11 cawangan di seluruh Malaysia.

Syarikat Kumpulan Cosmopoint berada di bawah kawal selia Kumpulan ILMU Berhad (ILMU), antara kumpulan integrasi peneraju pendidikan di Malaysia, dengan pelbagai portfolio institusi merangkumi semua peringkat: rendah, menengah (K-12) dan pendidikan tinggi.

Untuk sebarang pertanyaan media:

Cosmopoint Sdn Bhd

Elyantie Mohamed

Pengurus Penjenamaan & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6113

E: elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my

Noor Anita Yusof

Eksekutif, Penjenamaan & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6119

E: noor.anita@cosmopoint.com.my

